

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR  
[ CAMERON HIGHLANDS ]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2019**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelajar Orang Asli yang diterima masuk ke IPTA dan IPTS serta apakah dasar yang digunapakai untuk membantu pelajar-pelajar ini bagi melanjutkan pelajaran mereka.

**JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L  
PONNUSAMY, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Menurut rekod statistik Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), jumlah pelajar Orang Asli yang dibantu oleh Kerajaan melalui JAKOA di bawah Skim Bantuan Galakkan Pendidikan (SBGP) yang berjaya melanjutkan pengajian baharu di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA)/Universiti Awam (UA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Dalam Negara pada tahun ini adalah seramai 288 orang di IPTA dan seramai 24 orang di IPTS. Untuk makluman, Kerajaan melalui SBGP JAKOA telah membantu mahasiswa/i Orang Asli di IPTA/UA dan IPTS pada tahun ini secara keseluruhannya ialah seramai 821 orang di IPTA/UA dan 87 orang di IPTS.

Antara dasar Kerajaan melalui JAKOA bagi membantu meringankan beban masyarakat Orang Asli dengan membiayai persekolahan dan pengajian anak-anak Orang Asli mulai pra sekolah

## NO. SOALAN : 30

sehinggalah ke peringkat pengajian tinggi di IPT adalah telah menggunakan Garis Panduan Skim Bantuan Galakan Pendidikan (SBGP) JAKOA yang berkuat kuasa sejak tahun 2012.

Antara bantuan-bantuan melalui SBGP ini ialah :

- i) Bantuan kepada murid pra sekolah dalam bentuk pembekalan bahan-bahan mentah kering di beberapa buah Tabika Orang Asli pedalaman ;
- ii) Bantuan kepada murid Orang Asli peringkat sekolah rendah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan seperti wang saku murid sekolah menengah, bayaran yuran pelbagai persekolahan, perkhidmatan catuan makanan pedalaman, keperluan diri murid asrama, dan lain-lain lagi ;
- iii) Bantuan kewangan pendidikan IPT JAKOA kepada mahasiswa/i Orang Asli di IPT yang meliputi yuran pengajian, yuran sara hidup, yuran alatan/buku pengajian, bantuan urusan tiket penerbangan bagi pendaftaran awal pengajian dan tamat pengajian di IPTA/UA Dalam Negara serta elaun makan/minum pelajar IPTS Dalam Negara sahaja.

Sekian, terima kasih.